

BORANG PERMOHONAN PERMIT MENGGALI JALAN

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

PEMOHON _____

Pengarah Kejuruteraan
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Tingkat 13, KOMTAR
10675 Pulau Pinang.

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KEBENARAN UNTUK MENGGALI, MELETAKKAN PAIP, ATAU KABEL DI DALAM ATAU DI ATAS MANA-MANA JALAN, GEGILI ATAU LORONG BELAKANG DI BAWAH SEKSYEN 40 & 41 AKTA 133, AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

Tajuk : _____

Tujuan : _____

Butir-butir :
Penggalian : _____

Lokasi : _____

Ukuran
(Lebar x Panjang x Dlm Penggalian) : _____

Tarikh dicadangkan untuk menggali : _____ Tarikh kerja dijangka siap : _____

Nama Pemohon : _____
Pegawai Yg Bertanggungjawab : _____

Alamat & No. Telefon : _____

Jawatan : _____
Nama Pengawas Tapak Kerja : _____
Jawatan & No. Telefon : _____
Lain-lain (jika ada) : _____

“Saya/kami yang bertandatangan di bawah telah meneliti dan memahami kandungan ‘Syarat-syarat Menggali Jalan JK(J)107(4)/86’ seperti yang ternyata di sebelah belakang Borang ini dan bersetuju mematuhi kesemuanya. Sekiranya gagal atau apabila bersabit dengan kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, saya/kami bersedia menanggung apa juga tindakan yang dikenakan termasuklah denda tidak lebih dari Satu Ribu Ringgit (RM1,000.00) bagi satu kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen kecil 41(1) Akta 133, Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974.”

Tandatangan Pemohon / Pegawai Yang Bertanggungjawab : _____

Cop Rasmi :

BORANG ASAL HENDAKLAH DIKEMBALIKAN
KE JABATAN KEJURUTERAAN, MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG, TINGKAT 13, KOMTAR

SYARAT-SYARAT PERMIT MENGGALI JALAN JK(J) 107(4)/86

1. Tertakluk kepada syarat-syarat bahawa pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan atau tuntutan-tuntutan akibat dari kerja-kerja pengorekan ini dan juga sebarang tindakan dari segi undang-undang berbangkit darinya.
2. Tertakluk kepada langkah-langkah keselamatan ke atas pengguna-pengguna jalanraya dan pejalan kaki.
 - (i) Peruntukan bagi adangan, pagar, papan-papan tanda keselamatan dan lampu-lampu "*blinkers*" untuk menandakan peparit-peparit jalan.
 - (ii) Peruntukan bagi keselamatan lalulintas, pada bila-bila masa dalam apa jua keadaan jalan tidak boleh ditutup. Panjang peparit yang dibuka sepanjang jalan pada bila-bila masa, tidak melebihi 100 meter.
 - (iii) Bahan yang dibenarkan untuk kambus semula (*backfill*) adalah "*Quarry Dust*" atau "*Quarry Waste*" sahaja. Peruntukan tambahan kambus semula menggunakan campuran simen konkrit 1:3:6 pada mana-mana jalan atas budibicara Pengarah Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang.
 - (iv) Peruntukan lebih kotoran yang dikorek, dibersihkan dari tapak kerja dan tidak diguna kembali untuk kambus semula.
3. Tertakluk kepada syarat menggunakan pemotong (*diamond cutter*) apabila mengorek jalan. Pemotongan jalan hendaklah dilakukan sebelum kerja-kerja mengorek.
4. Tertakluk kepada permit cuma laku dalam tempoh 2 bulan. Sekiranya tempoh laku tamat, permit perlu diperbaharui. Jabatan Kejuruteraan perlu diberitahu sebelum sebarang kerja mengorek jalan dilakukan.
5. Tertakluk kepada sebarang kerosakan ke atas parit, gegili dan bahu jalan hendaklah dibaiki oleh pemohon sehingga memuaskan Pengarah Kejuruteraan dalam tempoh 2 minggu selepas kerja pada satu-satu jalan itu siap. Gagal berbuat demikian, kerja pembaikan akan dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan dan segala kos perbelanjaan akan dibilkan ke pihak pemohon.

PERHATIAN

Seseorang atau pihak berkuasa lain yang tidak mematuhi syarat-syarat di atas yang diperuntukkan di bawah Seksyen 40, 41 & 42, Akta 133 Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 apabila disabitkan boleh dikenakan dengan tidak lebih daripada Satu Ribu Ringgit (RM1,000.00) bagi satu kesalahan.

PROSES PERMOHONAN PERMIT MENGGALI JALAN

1. Semua permohonan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :-

(i) Surat permohonan menggunakan format menggali jalan yang mengandungi butir-butir yang dinyatakan (Borang JK/PJ 1) – Nama pemohon & jawatan hendaklah dinyatakan.

(ii) 1 set pelan tapak hendaklah yang diwarnakan seperti berikut :-

(a) *Pelan Tapak*

(i) Peta yang terkini, jelas dan berskill.

(ii) Cadangan laluan, butir-butir korekan & laluan sedia ada ditunjukkan dengan jelas (sama ada atas jalanraya, bahu jalan & tanah persendirian)

(iii) Sempadan lot mesti ditunjuk dengan jelas

(iv) Semua pelan berlegend, ditandatangani pemohon dan bercop.

(b) *Pelan Keratan lintang*

(melalui parit utama, parit monsun atau sungai)

(i) Butir-butir keratan rentas (*cross section*) cadangan laluan merintang parit dengan dimensi yang sebenar.

(ii) Cadangan laluan menunjukkan saiz, dimensi & jarak yang tepat

(iii) Semua pelan berlegend, ditandatangani pemohon dan dicop

(c) *Kod warna*

(i) Merah - Cadangan laluan (pelan tapak)

(ii) Biru - Laluan sedia ada yang disambungkan

(iii) Unggu - Laluan melalui tanah persendirian
(Surat kebenaran hendaklah di perolehi oleh pemohon dan disertakan)

(iv) Lorekan merah (*shaded red*) untuk HDD *microtunneling* / *Pipe Jacking*

(v) 3 set pelan keratan lintang laluan melalui parit utama / monsun jika berkaitan.

2. Borang JK(J)PJ 1 – Butir-butir korekan seperti saiz lurang, saiz kabel atau paip, jumlah sesalur dan kedalaman korekan. Maklumat yang diberi adalah komitmen pemohon dengan Majlis.
3. Pegawai yang memohon adalah bertanggungjawab ke atas butir yang dinyatakan:-
 - (i) Pelan Tapak
 - (ii) Pelan keratan lintang
 - (iii) Kod warna
4. Cadangan Pengorekan secara HDD/*Microtunneling*/*Pipe Jacking*
 - (i) Saiz, jarak, lokasi lurang sambungan ditunjuk dengan jelas
 - (ii) Cadangan HDD hendaklah terus dikemukakan bagi
 - (a) Korekan merentas jalan-jalan utama dan jalan-jalan yang sibuk
 - (b) Korekan jalan-jalan baru diturap semula tidak melebihi 3 tahun
 - (c) Korekan melintasi parit utama/parit monsun
 - (d) Korekan melintasi jalan yang mana sesak (*congested*) dengan utiliti sedia ada.
5. Setiap permohonan hendaklah tidak melebihi 1000 meter panjang.
6. Tempoh sah laku surat persetujuan kebenaran menggali jalan adalah selama 2 bulan. Tempoh sah laku permit adalah 2 bulan. Jika sesuatu projek itu ekstensif, maka pemohon bolehlah memohon tempoh sah laku sehingga 6 bulan.
7. Pemohonan persendirian hendaklah mengemukakan surat kebenaran dan pelan berkaitan yang dilulus oleh agensi-agensi berkaitan.
8. Pelan utiliti mesti ditandatangani oleh pihak yang menyediakannya berserta tarikh pemetaan tapak dibuat. Cadangan laluan dalam pelan utiliti hendaklah sama dengan cadangan laluan pelan tapak.
9. Semua permohonan untuk bekalan baru atau tambahan yang melibatkan pemunya bangunan hendaklah dinyatakan No. Pelan Bangunan dan tarikh diluluskan jika berkaitan.
10. Permit hanya akan diberi kepada pemohon atau wakil pemohon yang sah sahaja.
11. Notis Mula Kerja – Pemohon dikehendaki memaklumkan kepada jabatan sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum kerja dijalankan melalui surat (Notis Mula Kerja).
12. Pembaharuan Permit
Semua permohonan pembaharuan permit hendaklah dilengkapi dengan :-
 - (i) permit dan pelan asal
 - (ii) 1 pelan yang disahkan

